

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN
HASSAN [KOTA BHARU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

SOALAN :

**YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA
MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang meminda umur
persaraan hakim bagi mengekalkan tahap kepakaran perundangan
terutama bagi Hakim Mahkamah Persekutuan.**

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umur persaraan bagi hakim diperuntukkan di bawah Perkara 125 (1) dan (9) Perlembagaan Persekutuan iaitu seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah memegang jawatan sehingga dia mencapai umur enam puluh enam tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya yang diluluskan oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi masa itu tidak boleh terkemudian daripada enam bulan selepas dia mencapai umur enam puluh enam tahun.

Sebarang pindaan untuk meminda umur persaraan bagi hakim akan dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut keperluan dan ini melibatkan pindaan kepada Perkara 125 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.